**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 26 MAC 2018 (ISNIN)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **The Star** | |
| - World-class features at MPAJ's stadium | 04 |
| **Sinar Harian** | |
| - Pusat membeli belah bergelap sejam | 21 |
| - Tiga tahun infrastruktur terbiar | 37 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>26 MAC 2018 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | World-class features at MPAJ's stadium |
| Muka Surat | 04 |



TS 26/3/18 MS 04.

# World-class features at MPAJ's stadium

## Artificial turf football field receives accreditation by FIFA



MPAJ's stadium has a capacity of 1,100 and features a 400m synthetic track as well as FIFA-accredited football field.

ONCE completed, MPAJ's stadium in Pandan Perdana, Ampang, will have international-level accreditation.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) deputy president Hasrolnizam Shaari said the artificial turf football field received accreditation from the world football governing body FIFA.

"Representatives from FIFA inspected the field in February and we will also seek accreditation from other bodies in the coming months," he said during a site visit to the stadium.

Developed by MPAJ at a cost of RM19mil, the stadium is currently 95% completed and is expected to be officially launched in June.

It will also have a 400m synthetic track and a covered seating area of 1,100 seats.

There will be about 100 parking bays in the 2.43ha site along Jalan Perdana 6/3, which will be widened into four lanes from the present two lanes.

Hasrolnizam said the track would be open to residents in the mornings and evenings.

"However, because of maintenance issues, the football field would be on rental basis. We have not decided on the fees," he said.

On concerns about insufficient parking bays within the stadium compound, Hasrolnizam said contingencies had been discussed.

"For small scale events, there will be enough bays.

"Should there be major sporting events, we will use both sides of the widened road. Plus, there are 1,000 bays within the Pandan Perdana commercial centre which is directly opposite the stadium," he said.

MPAJ is the last local council in Selangor to have a stadium of its own.

Construction began in November 2015 and was scheduled to be completed by May last year.

However, MPAJ made some tweaks to the original plan, which resulted in the deadline being pushed back by six months to November.

The council decided to add four stadium lighting masts for floodlights in December 2016, to provide sufficient illumination at night. This cost an extra RM3.5mil.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>26 MAC 2018 (ISNIN)** | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Pusat membeli belah bergelap sejam |
| Muka Surat | 21 |

# Pusat membeli belah bergelap sejam

SH 26/3/18 M/S 21

AMPANG – Suasana persekitaran sebuah pusat membeli belah di sini bergelap selama sejam sebagai tanda sokongan terhadap kempen Earth Hour, kelmarin.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain berkata, ia juga adalah simbolik bahawa MPAJ serius serta menyokong usaha berkaitan isu pemanasan bumi, penjimatan tenaga dan alam sekitar.

"Program sambutan Earth Hour 2018 ini merupakan kali keempat yang dianjurkan oleh MPAJ, ianya juga bertujuan untuk mengingati pelaksanaan hari Earth Hour Dunia setiap tahun serta dapat membantu mengurangkan masalah perubahan iklim dunia dan pembaziran tenaga," katanya.

Menurutnya, MPAJ telah melaksanakan beberapa usaha ke arah Bandar rendah karbon antaranya ialah penukaran lampu jalan LED, program aktiviti hijau, hari tanpa kenderaan, kempen bebas beg plastik, kitar semula, tanam pokok dan baja kompos.

"Kita turut melaksanakan penambahbaikan lalulan basikal dan laluan penjalan kaki. Kita turut menganjurkan program penjimatan elektrik dan air, malah MPAJ turut mempunyai tiga unit pengecas elektrik untuk kenderaan letrik," katanya pada majlis perasmian sambutan Earth Hour 2018.



Abd Hamid (kiri) menyalakan lilin sebagai simbolik perasmian program Earth Hour MPAJ 2018.

Beliau berkata, kempen Earth Hour adalah kempen dunia yang dijalankan sebagai mendidik dan memberikan tanda sokongan terhadap masalah perubahan iklim dunia.

"Masyarakat seharusnya lebih bertanggungjawab dalam melakukan perubahan gaya hidup untuk mengurangkan kesan pencemaran iklim ini.

"Kita juga mahu memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak dan kesedaran kepada masyarakat berhubung isu ini," katanya.

Pelbagai aktivti sampingan dijalankan sepanjang tempoh sambutan itu antaranya, kraftangan quill Earth Hour, mencari harta karun, mencerap bintang dan ceramah berkaitan penjimatan elektrik.

Sila layari sinarharian.com.my

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>26 MAC 2018 (ISNIN) | |
|---|---|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Tiga tahun infrastruktur terbiar |
| Muka Surat | 37 |





*Penduduk pangsapuri mahu kerajaan negeri ambil tindakan*

JANJI tak DITEPATI

# Tiga tahun infrastruktur terbiar

SH 26/3/18 M/S 37.

ISMADI ISMAIL

PENDUDUK di sebuah pangsapuri kos rendah di Lembah Jaya, Ampang mendakwa Kerajaan Selangor tidak serius menangani isu infrastruktur di kawasan perumahan itu termasuk kerja-kerja penurapan jalan dan masalah lif.

Penduduk, Khairul Anuar Shafie berkata, keadaan infrastruktur yang 'uzur' di kawasan pangsapuri itu telah lama terbiar sejak tiga tahun lalu.

"Kemalangan juga seringkali berlaku khususnya kepada penunggang motosikal yang cuba elak lubang, ada yang terjatuh sampai patah kaki.

"Bukan saja jalan raya di kawasan persekitaran pangsapuri teruk, malah jalan utama di luar kawasan pangsapuri juga amat mengecewakan," katanya.

Menurutnya, kejadian lif tersangkut juga kerap kali berlaku di pangsapuri berkenaan.

"Ada masanya sampai setengah jam penduduk terperangkap dalam lif berkenaan. Di blok lain pula hanya satu lif berfungsi," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Ampang, Muhamad Nizam Shith berkata, pihaknya seringkali menerima aduan berhubung masalah infrastruktur di kawasan perumahan kos rendah itu.

"Infrastruktur di kawasan ini dipercayai tidak diatasi dengan baik oleh kerajaan negeri, jalan di kawasan perumahan ini termasuk kawasan parkir telah lama berlubang," katanya.

Beliau berkata, pihaknya berterima kasih kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Menterinya, Tan Sri Noh Omar yang telah memberi peruntukan untuk kerja membaik pulih infrastruktur di beberapa pangsapuri kos rendah di Lembah Jaya.

"Saya difahamkan peruntukan sebanyak RM10.5 juta telah diberikan kepada pangsapuri tersebut. Harapan kami kepada Kerajaan Persekutuan agar sentiasa membantu rakyat di Dun Lembah Jaya," katanya.

Dalam perkembangan sama, Setiausaha merangkap Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Hasrolnizam Shaari berkata, pihaknya dimaklumkan kerajaan negeri ada menyediakan skim untuk penurapan di perumahan kos rendah.

"Kerajaan negeri menyalurkan peruntukan itu dengan menggunakan konsep kaedah peruntukan khas, saya tidak pasti ia peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris) atau tidak.

"Setakat ini lima kawasan perumahan kos rendah di kawasan pentadbiran MPAJ telah siap kerja penurapan, kos keseluruhan dianggarkan melebihi RM2 juta. Skim itu banyak membantu MPAJ untuk memperkemaskan semula turapan di kawasan tersebut," katanya.

Beliau berkata, kaedah pelaksanaannya pula adalah dari segi komitmen dan hubungan baik semua pihak.

"Permasalahan tersebut adalah di bawah pengetahuan Adun kawasan, mereka bersama pihak MPAJ akan mengenal pasti kawasan perumahan kos rendah yang perlu diberi keutamaan," katanya.

Terdahulu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Datuk Iskandar Abdul Samad memaklumkan kerajaan negeri menafikan kerja turapan jalan di kawasan pangsapuri menggunakan peruntukan Marris sebaliknya dibiayai menerusi peruntukan PBT.

Menurutnya, kerajaan negeri menggunakan kaedah 'offset' dengan melakukan pertukaran kerja 'swap of job' dengan PBT menerusi projek yang lain di luar kawasan pangsapuri.

*"Bukan saja jalan raya di kawasan persekitaran pangsapuri teruk, malah jalan utama di luar kawasan pangsapuri juga mengecewakan."*
*- Khairul Anuar*

Keadaan jalan di kawasan parkir.

Muhamad Nizam bersama penduduk melihat keadaan jalan berlubang.

Muhamad Nizam melihat keadaan lif yang tidak berfungsi.